

**SULIT**

---



Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2019/2020

Disember 2019 / Januari 2020

**HKT505 - Kaedah Penyelidikan Kesusasteraan, Media dan  
Budaya**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA (3) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

...2/-

**SULIT**

- 2 -

1. Setiap pelajar di peringkat sarjana perlu merangka persediaan rapi untuk menulis disertasi mereka. Dengan merujuk kepada W.R Owens dalam bukunya yang bertajuk *A Handbook to Literary Research* (1998), bincangkan secara kritis garis panduan lengkap yang telah beliau cadangkan.

[100 markah]

2. Apakah yang dimaksudkan dengan kajian kualitatif dan kajian kuantitatif? Dengan mengemukakan contoh kajian yang sesuai, tunjukkan bagaimana kedua-dua bentuk kajian ini boleh dimanfaatkan dalam bidang kesusasteraan.

[100 markah]

3. Kajian lapangan merupakan salah satu kaedah untuk mendapatkan data sama ada dalam kajian kesusasteraan moden ataupun tradisional. Secara kritis,uraikan proses-proses penting dalam kaedah tersebut.

[100 markah]

4. Penyelidikan kesusasteraan daripada perspektif budaya merupakan salah satu cabang dalam bidang kesusasteraan. Dengan mengemukakan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan bagaimanakah pendekatan sosiologi sastera mampu memanfaatkan kajian seperti ini?

[100 markah]

5. Pada zaman kontemporari ini, karya-karya kesusasteraan tidak lagi terhad dalam bentuk bercetak, tetapi juga wujud secara digital. Berdasarkan contoh-contoh tertentu, kemukakan SATU kaedah yang sesuai untuk mengkaji kedua-dua bentuk karya tersebut.

[100 markah]

...3/-

- 3 -

6. Cerita-cerita rakyat atau *folktales* terkenal bukan sahaja di Nusantara tetapi juga di negara-negara Barat. Dengan merujuk kepada portal "American Folklore", hujahkan secara kritis kelebihan dan kekurangan data-data tersebut sekiranya mahu digunakan sebagai sumber kajian.

[100 markah]

- oooOooo -